



HIDANGAN sotong hidup. FOTO hiasan

Lelaki temui ajal tercekik sotong hidup

HM 27110123 m/s 35

Seoul: Malang nasib lelaki berusia 82 tahun di Korea Selatan yang meninggal dunia akibat serangan jantung selepas tercekik sotong hidup yang dihidangkan sebagai makanan istimewa tempatan.

Independent UK melaporkan, insiden itu berlaku di bandar selatan Gwanju pada Isnin lalu, apabila bomba menerima laporan mengenai *san-nakji* tersekat pada kerongkong seorang lelaki.

Nama hidangan - *san-nakji* - itu secara literal diterjemahkan sebagai sotong hidup.

Menurut bomba, ketika pihaknya tiba di tempat kejadian, lelaki itu sudah mengalami serangan jantung.

Anggota bomba mem-

beri bantuan pernafasan, tetapi ia tidak dapat memulihkan mangsa.

Mangsa kemudian disahkan meninggal dunia di hospital tempatan.

Hidangan *san-nakji* terdiri daripada sotong mentah yang dicencang dan dihidangkan secara tradisional, dengan disiram minyak bijan.

Ia dihidangkan serta-merta selepas haiwan itu dicincang dan ketika kepingan sotong itu masih bergerak-gerak.

Difahamkan, ia dihidangkan ketika sesungut sotong masih bergerak-gerak. Oleh itu, makanan itu menimbulkan risiko keselamatan dan orang ramai dinasihatkan untuk memotongnya menjadi kepingan yang lebih kecil dan mengunyah dengan teliti sebelum ia ditelan. - Agensi